

Bahasa Melayu masih dibayangi dominasi asing

Shawn
Christien
Fabian,
Kampung
Toboh Laut,
Keningau

Dalam era kemodenan dipacu Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), bahasa Melayu berdepan cabaran semakin kompleks dan berlapis. Fenomena kerencaman bahasa semakin ketara apabila sebahagian masyarakat, khususnya generasi muda cenderung mempraktikkan penggunaan bahasa asing berbanding bahasa kebangsaan.

Bahasa Melayu bukan sahaja semakin disisihkan, malah terdedah kepada kerosakan struktur akibat penggunaan bahasa rojak berleluasa, khususnya dalam ruang komunikasi digital.

Lebih membimbangkan, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi mewujudkan bentuk persaingan linguistik tidak seimbang. Dalam landskap media sosial seperti TikTok, bahasa Indonesia tampil dominan sebagai bahasa pengantar utama, manakala bahasa Melayu sering diposikan sebagai bahasa alternatif atau sekadar pilihan sekunder.

Dominasi ini tidak berlaku melalui paksaan politik atau dasar rasmi, sebaliknya dipacu kekuatan jumlah penutur, keaktifan penghasilan kandungan serta pengaruh budaya popular Indonesia yang agresif dan konsisten.

Dalam interaksi digital generasi muda Malaysia, bahasa Indonesia sebagai bahasa pergaulan yang santai, ekspresif dan 'gaul'. Ia sering diasosiasikan sebagai 'cool language' kerana dikaitkan selebriti media sosial, hiburan popular dan naratif kosmopolitan.

Pergeseran ini bukan sekadar membabitkan pertukaran kosa kata, tetapi mencerminkan perubahan ideologi dan wacana lebih mendalam antara keinginan

untuk menjadi warga digital global dan keperluan mempertahankan identiti nasional melalui bahasa.

Hakikatnya, tahap penguasaan bahasa Melayu secara lisan dalam kalangan generasi muda menunjukkan variasi ketara. Globalisasi dan keterbukaan akses kepada kandungan hiburan antarabangsa memperluas pendedahan kepada bahasa asing, sekali gus mempengaruhi corak penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian.

Penggunaan media sosial turut menyumbang kepada fenomena ini apabila bahasa komunikasi menjadi semakin ringkas, santai dan tidak terikat pada peraturan bahasa baku. Amalan penggunaan singkatan, bahasa internet dan ejaan tidak stan-



Dominasi ini tidak berlaku melalui paksaan politik atau dasar rasmi, sebaliknya dipacu kekuatan jumlah penutur, keaktifan penghasilan kandungan serta pengaruh budaya popular Indonesia yang agresif dan konsisten

dard akhirnya melemahkan kecekapan berbahasa Melayu yang betul.

Kekeliruan dalam penggunaan imbuhan, susunan ayat dan ejaan tepat menandakan wujudnya jurang literasi bahasa semakin melebar dalam kalangan generasi muda.

Perkembangan budaya popular tidak ditapis turut mencetuskan persoalan lebih mendasar berkaitan nilai dan norma masyarakat, khususnya dalam kalangan belia. Penerimaan budaya popular terlalu bebas membuka ruang kepada normalisasi bahasa kasar, sindiran melampau, kandungan tidak senonoh serta gaya hidup hedonistik bercanggah dengan etika komunikasi.

Sebahagian belia kini lebih mengutamakan ekspresi bebas dan hiburan tanpa mempertimbangkan implikasi terhadap akhlak dan jati diri. Fenomena ini menunjukkan budaya popular, jika tidak ditangani secara kritis dan berhemah, berpotensi menggugat integriti komunikasi serta merendahkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, adab dan peradaban.

Justeru, usaha memartabatkan bahasa Melayu tidak boleh bergantung semata-mata pada dorongan institusi atau sentimen kebangsaan bersifat simbolik. Ia menuntut strategi menyeluruh yang membabitkan pengukuhan literasi digital, penghasilan kandungan berkualiti dalam bahasa Melayu serta pembudayaan bahasa selari dengan nilai moral dan agama.

Tanpa kesedaran kolektif dan tindakan bertenaga, bahasa Melayu berisiko terus terpinggir dalam arus globalisasi digital semakin deras.